

B542:  
MAHATHIR-UDA

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 9.30 MALAM INI)

1981  
KUALA LUMPUR, 25 OKT (BERNAMA) — SEBANYAK 14 BUAH BANDAR TELAH DIPILIH OLEH PERBADANAN PEMBANGUNAN BANDAR (UDA) UNTUK MENDAPAT KEUTAMAAN DALAM KEGIATANNYA DALAM RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT. PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN MALAM INI.

BANDAR-BANDAR TERSEBUT IALAH ALOR SETAR, BUTTERWORTH, BANDAR MELAKA, PULAU PINANG, IPOH, JOHOR BAHRU, KELANG, KUANTAN, KUALA LUMPUR, KOTA BAHRU, PETALING JAYA, SEREMBAN, SHAH ALAM DAN TANJUNG TOKONG.

BANDAR-BANDAR ITU DIPILIH BERDASARKAN ANTARANYA AGIHAN PENDUDUK MENGIKUT KAUM, PENDAPATAN, KEMAMPUAN DAN KEHENDAK PEMBELI. KATANYA DI MAJLIS MALAM 10 TAHUN UDA DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA BAGI TEMPOH RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT, UDA AKAN HANYA MENGGHUSUS KEPADA BEBERAPA AKTIVITI SAHAJA UNTUK MEMASTIKAN RANCANGAN TERSEBUT DILAKSANAKAN DENGAN LEBIH BERKESAN LAGI.

BELIAU MENGINGATKAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN, TERUTAMANYA DI PERINGKAT NEGERI, SUPAYA MEMBERIKAN KERJASAMA ERAT KEPADA UDA SUPAYA SEGALA PERANCANGAN DAN PERLAKSANAAN DAPAT DIJALANKAN DENGAN LANCAR. — BERSAMBUNG 2000/ZCM

B543:  
MAHATHIR-UDA 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

KERAJAAN, KATA PERDANA MENTERI MEMANDANG BERAT TERHADAP TINDAK TANDUK MANA-MANA JUGA PEGAWAI YANG SEMATA-MATA MEMENTINGKAN AGENSINYA SENDIRI SEHINGGA TERJEJAS DASAR EKONOMI BARU.

+SIFAT ATAU SIKAP ENGGAN BEKERJASAMA ATAU TINDAKAN YANG MENJAJKAN PENYELARASAN TIDAK HARUS WUJUD DI KALANGAN PEGAWAI-PEGAWAI KERANA

AGENSI ATAU JABATAN KERAJAAN ADALAH SEMATA-MATA ALAT BAGI MENCAPAI MATLAMAT NASIONAL, + TEGASNYA LAGI.

BELIAU KEMUDIAN MENGGESA SEMUA PERBADANAN AWAM, TERMASUK UDA, SUPAYA MENGGUNAKAN SUMBER-SUMBER YANG ADA DENGAN CARA YANG PRODUKTIF YANG DAPAT MENJAMIN PEROLEHAN KEUNTUNGAN.

UNTUK MENCAPAI MATLAMAT INI, KATANYA SATU PENGURUSAN YANG BERKESAN BAGI MENAJMIN SEKTOR AWAM YANG PRODUKTIF ADALAH DIPERLUKAN.

+INI MESTILAH MENJADI PANDUAN DAN KOMITMEN SETIAP PEGAWAI SEKTOR AWAM, MEREKA YANG TIDAK MEMBANTU ATAU ENGGAN MEMBANTU MENINGKATKAN MUTU PENGURUSAN SEKTOR AWAM TIDAK MEMPUNYAI TEMPAT DALAM SEKTOR INI. — BERSAMBUNG 2004/ZCM

B544:  
MAHATHIR-UDA 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

SEBELUM ITU, MENTERI PERUSAHAAN AWAM, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ BERKATA UDA TELAH DIUNTUKAN \$568.8 JUTA DALAM RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT BAGI MELAKSANAKAN PROGRAM PEMBANGUNANNYA TERMASUK PEMBELIAN TANAH SECARA AWALAN.

KATANYA UDA DALAM MEMBANGUN SEMULA BANDAR DAN MEMAJUKAN BANDAR BARU BERMATLAMAT MENYUSUN SEMUA KEPENDUDUKANNYA SUPAYA MENCERMINKAN MASYARAKAT MAJMUK SEBENAR NEGARA INI.

DATIN PADUKA RAFIDAH MEMBERITAHU UDA TELAH MENUBUHKAN UNIT KHIDMAT PERUNDING DAN PENGURUSAN PROJEK UNTUK MEMBANTU BUMI-PUTERA MEMBANGUNKAN TANAH MILI MEREKA. — BERNAMA 2006/ZCM